

■ UPM akhir kemarau gelaran MASUM ketepi cabaran UiTM di final

Oleh Fauzi Rahim Mustafa  
sukan@mediaprima.com.my  
**Sungai Petani**

**U**niversiti Putra Malaysia (UPM) mencatat kejayaan paling bermakna apabila muncul juara bola sepak Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) 2013 selepas berhempas-pulas mengetepikan Universiti Teknologi Mara (UiTM) 1-0, baru-baru ini.

Gol jaringan pemain tengah berasal dari Nigeria, Desmond Amadi pada minit ke-38 sudah cukup buat pengurus Mohd Masran Mat Aris tersenyum lebar sekali gus merebut hadiah wang tunai RM3,000.

"Biarpun hanya menang tipis, kemenangan ini amat bermakna sekali gus menamatkan kemarau gelaran selepas kali terakhir muncul juara MASUM pada 2007," kata adik bekas pemain kebangsaan, Mat Zan Mat Aris.

# 4/11/2013 - Ismail Harion Metrop

# Kejayaan paling manis



PEGAWAI dan pemain UPM bersorak riang selepas muncul juara.

UPM mara ke final selepas mengatasi pesaing peringkat awal, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia 5-1, suku akhir

Universiti Sultan Zainal Abidin 2-1 dan separuh akhir Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) 1-0.

Katanya, kejayaan itu hasil komitmen semua pemain yang memperlihatkan semangat melawan kental.

Masran berkata, pemain UPM berhak bergembira atas kemenangan itu kerana tahun lalu mereka tersingkir

“Kemenangan ini amat bermakna sekali gus menamatkan kemarau gelaran selepas kali terakhir muncul juara MASUM pada 2007”

**Mohd Masran Mat Aris**

awal dan hanya berupaya menduduki tempat ketiga pada 2011.

UiTM yang dibimbangi jurulatih Azman Eusoff membawa pulang wang tunai RM2,000 manakala UIAM ketiga RM1,000 selepas menewaskan Universiti Malaysia Kelantan 1-0.

Hadiah disampaikan Rektor UiTM Merbok Dr Asmadi Mohammed Ghazali, diiringi Timbalan Dr Abdul Latif Abdul Rahman, Timbalan Rektor Akademik dan Alumni Dr Mahadi Ismail, Timbalan Pendaftar Noridah Sulaiman dan legenda bola sepak negara, Syed Ahmad Syed Abu Bakar.